

Publication	Berita Harian	Section/Page No.	Ekonomi / Pg. 20
Date	Tuesday, 9th February 2010	Lead Article	Yes
Headline	Putrajaya Holdings Labur RM422j Bangun 3 Projek		

Putrajaya Holdings labur RM422j bangun 3 projek

Majoriti adalah bagi pembinaan bangunan komersial hijau

Oleh Ahmad Farizal Hajat
ahmadfarizal@bharian.com.my

PUTRAJAYA Holdings Sdn Bhd akan melabur RM422 juta dalam tempoh tiga bulan akan datang bagi membangunkan tiga projek hartanah bercampur eksklusif di Putrajaya.

Daripada jumlah itu, majoriti pelaburannya, iaitu RM182 juta adalah bagi pembinaan bangunan komersial hijau pertama di Putrajaya.

Dua lagi membabitkan pembinaan sebuah hotel perniagaan bernilai RM160 juta dan projek pembinaan lot komersial bercampur pinggir tasik dengan nilai RM80 juta.

Ketua Eksekutif Putrajaya Holdings, Datuk Azlan Abdul Karim, berkata bagi pembinaan bangunan komersial hijau pertama yang akan dibina di Precinct 2 itu, pihaknya melantik Putra Perdana Construction Sdn Bhd sebagai kontraktor utama.

Katanya, bangunan yang direka khas bagi mencapai standard Indeks Bangunan Hijau (GBI) itu, apabila siap sepenuhnya menjelang 2012 nanti, akan merangkumi satu blok podium kedai empat tingkat dan menara lapan tingkat.

Beliau berkata, bangunan terabit akan dibina berdasarkan kepada rekaan mesra alam dan penjimatan tenaga.

"Ia akan menawarkan suasana persekitaran kerja yang kondusif kepada pemilik serta penyewa lot komersial di situ yang terdiri daripada agensi kerajaan dan syarikat multinasional asing," katanya.



RAJA Nong Chik (tengah) menyaksikan Azlan (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Wie Hock Kiong di Majlis Menandatangani Perjanjian antara Putrajaya Holdings dan Putra Perdana Construction, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mewakili Putrajaya Holdings memeterai perjanjian pembinaan projek bangunan hijau itu dengan Putra Perdana Construction yang diwakili Ketua Eksekutifnya, Wie Hock Kiong di Putrajaya, semalam.

Majlis itu disaksikan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

Hadir sama Pengerusi Putrajaya Holdings, Datuk Ishak Imam Abbas dan Pengerusi Putra Perdana Construction, Harry K. Menon.

Azlan menambah, bangunan komersial hijau yang akan

“Ia akan menawarkan suasana persekitaran kerja yang kondusif kepada pemilik serta penyewa lot komersial di situ yang terdiri daripada agensi kerajaan dan syarikat multinasional asing”

Azlan Abdul Karim
Ketua Eksekutif Putrajaya Holdings

menawarkan keluasan lantai 54,000 kaki persegi itu akan dimulakan pembinaannya, minggu depan.

Mengenai pembinaan hotel, beliau berkata, projek itu diberikan kepada anak syarikat milik penuh Sunway Holdings Bhd iaitu Sunway Construction Sdn Bhd.

Katanya, projek berkenaan yang akan dibangunkan mulai bulan depan, bakal menawarkan 350 bilik.

"Projek lot komersial bercampur pinggir tasik pula kini dalam peringkat penawaran tender dan dijangka dibangunkan selewat-lewatnya, April ini," katanya.